

EDITOR, MEJA BERITA

UNTUK SIARAN SEGERA

PENGUATKUASAAN KAWALAN TERHADAP PRODUK MEROKOK BAGI
AKTA KESIHATAN AWAM 2024

KUALA LUMPUR (1 OGOS 2024) - Pesuruhjaya Kanak-Kanak di Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) melahirkan rasa kesal dengan berita terbaru mengenai seorang pelajar sekolah menengah yang berada dalam keadaan kritikal kerana disyaki menghisap rokok elektronik dengan cecair atau gel magic mushroom secara berlebihan.

Kami menggesa ibu bapa dan penjaga supaya peka dengan risiko kesihatan yang dikaitkan dengan produk rokok elektronik. Produk ini kebiasaannya dipasarkan di media sosial dengan bungkusan yang terang serta beraneka perisa menarik perhatian khususnya golongan muda.

Ibu bapa dan penjaga yang mendapati anak-anak mereka menghisap rokok elektronik haruslah segera mendapatkan bantuan. Fasiliti kesihatan Kerajaan dan organisasi profesional yang berkaitan menawarkan perkhidmatan berhenti merokok yang terdiri daripada rawatan serta kaunseling.

Kami mengesyorkan supaya Kerajaan memperhebat usaha mengekang bekalan rokok elektronik yang menyasarkan golongan kanak-kanak serta bawah umur dengan pemantauan ketat penjualan yang tidak sah di media sosial.

Di samping itu, orang awam juga diberikan amaran mengenai naratif yang mempromosikan rokok elektronik atau vape sebagai pengganti tembakau yang 'lebih sihat serta kurang berisiko' untuk perokok menghentikan tabiat merokok. Perang menentang tembakau ini tidak seharusnya disertai dengan sogokan nikotin atau bahan kimia yang mengakibatkan ketagihan kepada pengguna baru terutamanya sekali kanak-kanak.

Dalam menangani isu ini, Pesuruhjaya Kanak-Kanak menggesa supaya penguatkuasaan Seksyen 13 dalam Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 [Akta 852] dijalankan dengan lebih ketat lagi bagi menghalang sebarang penjualan produk yang berkaitan dengan tembakau serta nikotin kepada kanak-kanak. Selain daripada itu, Seksyen 17 dalam Akta 852 turut menjadikan perbuatan menghisap atau menggunakan sebarang produk berasaskan tembakau atau produk pengganti tembakau dalam kalangan individu berusia di bawah 18 tahun sebagai satu kesalahan. Kejayaan langkah pencegahan ini berkait rapat dengan ketulusan dan kesungguhan dalam penguatkuasaan Akta ini.

-TAMAT-

Pesuruhjaya Kanak-Kanak
1 Ogos 2024